

# KENYATAAN MEDIA

## PROGRAM *NET ENERGY METERING* 3.0 (NEM 3.0) TAWAR KUOTA SOLAR 500MW UNTUK 3 INISIATIF BAHARU

Program *Net Energy Metering* (NEM) yang mula dilaksanakan pada tahun 2016 dengan kuota sebanyak 500MW telah habis dipohon pada 27 November 2020. Untuk meneruskan inisiatif pemasangan solar PV di bumbung premis bangunan dan kediaman, **Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan memperkenalkan Program NEM 3.0 dengan tawaran kuota sebanyak 500MW bagi tempoh 2021 hingga 2023.** Melalui program NEM 3.0 ini, Kementerian akan memperkenalkan tiga (3) inisiatif yang membuka peluang kepada semua pengguna elektrik untuk memasang solar PV di bumbung bangunan masing-masing bagi menjimatkan bil elektrik mereka. Selain itu, Program NEM 3.0 turut memperkenalkan inovasi baharu menggunakan konsep NEM maya atau *virtual* NEM dengan membenarkan pemilik bangunan komersial dan industri untuk berkongsi lebih tenaga dengan bangunan-bangunan mereka di lokasi berlainan.

### **PROGRAM NEM RAKYAT**

Memandangkan hanya 5% permohonan di bawah Program NEM 2.0 adalah pengguna elektrik kategori domestik, Kementerian akan memperkenalkan **Program NEM Rakyat** bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai pengguna domestik menikmati penjimatan bil elektrik melalui pemasangan solar PV. Program NEM Rakyat mengekalkan konsep *1 to 1 offset* dengan kuota sebanyak 100MW atau sehingga kesemua kuota tersebut habis. Program ini memberikan manfaat pengurangan bil elektrik kepada 10,000 - 25,000 pemilik akaun domestik TNB atau kira-kira 40,000 - 100,000 isi rumah di Semenanjung Malaysia. Pengguna akan menikmati kadar *offset 1 to 1* selama 10 tahun dan seterusnya mendapat penjimatan bil elektrik melalui konsep *self-consumption* selepas tamat tempoh tersebut. Permohonan boleh dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) mulai 1 Februari 2021 hingga 31 Disember 2023.

## **PROGRAM NEM GoMEn**

Bagi mengurangkan bil elektrik di bangunan-bangunan Kerajaan, **Program NEM GoMEn** (*Government Ministries and Entities*) akan diperkenalkan dengan kuota sebanyak 100MW. Program NEM GoMEn akan mengekalkan konsep *1 to 1 offset* selama 10 tahun dan menggunakan konsep *self-consumption* selepas tempoh tersebut. Kira-kira 100 buah Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia dijangka menikmati penjimatan bil elektrik yang dianggarkan berjumlah RM6 juta sebulan. Permohonan kuota program ini boleh dikemukakan kepada SEDA mulai 1 Februari 2021 hingga 31 Disember 2023 atau sehingga kesemua kuota tersebut habis.

## **PROGRAM NOVA**

Untuk membantu pengguna bukan domestik daripada kategori komersial dan industri yang terkesan akibat pandemik Covid-19, satu inisiatif baharu iaitu **Program NOVA (Net Offset Virtual Aggregation)** akan diperkenalkan. Program ini membolehkan usahawan, syarikat tempatan dan rumah-rumah ibadat menjimatkan bil elektrik dan mengurangkan *cost of doing business* berdasarkan elemen-elemen berikut:

- (i) mendapatkan bekalan elektrik secara langsung daripada sistem solar PV yang dipasang di bumbung premis bangunan dan mengurangkan pembelian elektrik daripada syarikat utiliti;
- (ii) menjual lebihan tenaga elektrik daripada sistem solar PV kepada sistem grid pada harga pasaran atau *System Marginal Price* (SMP) sebagai kredit tenaga dalam bil elektrik bulan berikutnya; dan
- (iii) melakukan *offset* lebihan tenaga elektrik melalui pengagihan secara maya (*virtual aggregation*) bagi 1 hingga 3 akaun bil elektrik di bawah pemilik yang sama.

Permohonan bagi Program NOVA akan dibuka mulai 1 April 2021 sehingga 31 Disember 2023 atau sehingga kesemua kuota habis diagihkan. Perincian pelaksanaan program ini akan diumumkan sebelum permohonan dibuka.

## **PENAMBAHBAIKAN NEM 2.0**

Kementerian turut mengambil perhatian terhadap maklum balas semua pihak mengenai model perniagaan dan tempoh pulangan pelaburan di bawah Program NEM 2.0 yang menetapkan kadar *offset 1 to 1* untuk tempoh 10 tahun sahaja. Sehubungan itu, Kementerian menetapkan supaya:

- (i) kadar *offset* selepas tempoh 10 tahun pertama adalah pada kadar SMP untuk tempoh 10 tahun berikutnya; dan
- (ii) pengguna NEM 2.0 boleh terus menikmati penjimatan bil elektrik dengan menyertai Skim SelCo selepas tempoh kadar *offset* SMP tamat.

Kerajaan berharap pelaksanaan NEM 3.0 ini akan membolehkan lebih ramai rakyat, Agensi Kerajaan, rumah-rumah ibadat serta syarikat dan usahawan tempatan untuk terlibat dalam agenda pembangunan tenaga boleh baharu negara di samping membantu menjimatkan bil elektrik bagi meringankan impak penularan pandemik Covid-19.

Maklumat lanjut mengenai Program NEM 3.0 adalah seperti di jadual yang disertakan.

**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**29 DISEMBER 2020**

# MEKANISME PELAKSANAAN *NET ENERGY METERING 3.0*

PERKARA	NEM 3.0		
	NEM RAKYAT	NEM GoMEn	NOVA
	Domestik	Bangunan Kerajaan	Komersial & Industri
Kuota ditawarkan (MW)	100	100	300
Mekanisme ( <i>roll-over</i> )	NEM 1:1 (12 bulan)	NEM 1:1 (12 bulan)	SELCO+ (1 bulan)
Tarikh mula ditawarkan	1 Februari 2021		1 April 2021
Tempoh tawaran	3 tahun		
Kadar <i>offset</i>	Tarif Semasa	Tarif Semasa	<i>System Marginal Price</i>
Tempoh <i>offset</i>	10 tahun		
Ketetapan selepas 10 tahun	<i>Self-Consumption (SelCo)</i>	<i>Self-Consumption (SelCo)</i>	<i>Self-Consumption (SelCo)</i>
Had Kapasiti Pemasangan	<i>Single Phase: 4kWac Three Phase: 10kWac</i>	1 MWac/ 1 Akaun	<i>Nett offset</i>   1MWac <i>Net offset +Virtual aggregation</i>   5MWac
Kelayakan	Pemegang Akaun Domestik	Jabatan/Agensi Kerajaan	Pemegang Akaun Bukan Domestik